

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membendung gejala jenayah seksual seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat dan LGBT yang semakin berleluasa dalam masyarakat hari ini.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memandang serius mengenai gejala jenayah seksual seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat dan LGBT yang dilihat semakin berleluasa dalam masyarakat hari ini.
2. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa berusaha melaksanakan yang terbaik untuk membantu menangani isu-isu sosial yang berlaku. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah melalui pendekatan seperti berikut:

**i) Pembangunan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI)**

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama daripada semua agensi dan Jabatan Agama

## **NO. SOALAN : 8**

Islam Negeri-negeri telah membangunkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-66 pada 13 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

PTSI merupakan inisiatif Kerajaan bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat kita terutamanya permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat Islam di Malaysia yang semakin meruncing, dengan pelbagai isu seperti penagihan dadah, remaja hamil (tidak berkahwin), pembuangan bayi, perceraian, gelandangan, penularan virus HIV / AIDS, penagihan arak, seks bebas, sumbang mahram, jenayah juvana, pengamalan gaya hidup songsang dan sebagainya. Pelaksanaan PTSI dilihat dapat membantu usaha pencegahan dan pemulihhan secara lebih sepadu, terancang dan tersusun.

### **ii) Pelaksanaan Program Pendidikan dan Advokasi**

Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri serta agensi juga menganjurkan program pendidikan dan advokasi seperti Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah 2018, Program Cakna Pergaulan Anda Cegah Jenayah Tanggungjawab Bersama 2019 anjuran JAKIM adalah antara usaha untuk memberi kefahaman berkaitan Undang-Undang Jenayah Syariah.

### **iii) Penubuhan Pusat Khidmat Sosial**

Kerajaan juga telah mewujudkan Pusat Khidmat Keluarga dan Sosial Komuniti (PKKSK) termasuklah KSKCareCentre yang diletakkan di bawah JAKIM. KSKCareCentre merupakan pusat khidmat kaunseling syarie, terapi psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie yang terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang dibuka kepada semua masyarakat awam dan memberikan perkhidmatan secara percuma.

## **NO. SOALAN : 8**

### **iv) Pembinaan Pusat Perlindungan**

Pewujudan pusat-pusat perlindungan yang dibangunkan oleh Majlis Agama Islam Negeri seperti Darul Islah atau Dar Assaadah yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bertujuan memberi perlindungan kepada wanita-wanita yang telah terjebak dengan masalah gejala sosial. Semasa berada di rumah perlindungan ini wanita-wanita atau anak-anak remaja ini diberi bimbingan kerohanian dan kemahiran supaya mereka kembali ke pangkal jalan dan mampu berdikari bila keluar dan berhadapan dengan masyarakat nanti.

### **v) Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah**

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan perundangan dan hukuman bagi kesalahan seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat, musahaqah, orang lelaki berlagak seperti perempuan yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.